

Mahathir-Angkasa

SYARIKAT TEMPATAN PERLU BABIT DIRI DALAM PROGRAM ANGKASA

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata syarikat dan institusi tempatan perlu melibatkan diri dalam program-program angkasa luar negara untuk membangunkan industri dan sains angkasa negara ini.

Beliau berkata syarikat dan institusi terbabit juga perlu mengadakan perhubungan rasmi dengan agensi-agensi angkasa di Eropah, Asia dan Amerika dalam program atau projek bagi membolehkan Malaysia menyertai projek-projek yang selaras dengan strategi sains dan industri negara.

Perhubungan yang lebih rapat antara kerajaan Malaysia dan kerajaan di kalangan negara serantau juga perlu digalakkan bagi faedah bersama dalam membanqukan aktiviti-aktiviti saintifik dan komersil yang kekal kepada sains dan industri Malaysia, katanya semasa merasmikan Planetarium Negara, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bukan hanya patut menceburi industri angkasa malah patut memimpinya.

"Malaysia telah berjaya mewujudkan sebuah sistem penerbangan yang terkenal di dunia. Armada pesawat kita ialah antara yang terbesar di rantau ini dan Penerbangan Malaysia mempunyai reputasi baik," katanya. -- Lagi

▼07/02/23-15MST

CNS0015

U GB 07-02 00140 BA514

aab

Mahathir-Angkasa 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata adalah tidak mustahil bagi Malaysia untuk mewujudkan industri angkasa yang setanding negara lain kerana kini terdapat banyak aktiviti berkaitan angkasa dalam sektor awam dan swasta.

"Dalam sektor swasta, Technology Resources Industry (TRI) telah melancarkan satelit komunikasi Rimsat 1, yang dipunyai bersama syarikat Amerika, Rimsat Ltd," katanya.

Menurut beliau, kerajaan mempunyai rancangan untuk melabur dalam industri angkasa.

Katanya, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bercadang melancarkan tiga satelit komunikasi, setiap satu berharga RM600 juta, dalam tempoh tiga tahun dari sekarang manakala Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pula merancang melancarkan satelit bagi tujuan penderiaan jauh dan pengkajian cuaca.

Dr Mahathir berkata, satu dasar dan program angkasa yang menyeluruh perlu diadakan bagi membangun dan memperkembangkan bidang sains angkasa di negara ini.

Ini kerana Malaysia akan menghadapi permintaan yang bertambah terhadap keperluan dan perkhidmatan seperti pengawasan alam sekitar, pencarigalian bahan mentah dan pertahanan yang disediakan menerusi teknologi dan penggunaan angkasa, katanya.

Menurutnya, masa depan negara untuk memasuki industri angkasa amat cerah dan Malaysia tidak ada pilihan selain menceburinya jika mahu masa depan yang lebih berjaya.

Dr Mahathir dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali kemudian melawat ruang pameran dan menyaksikan pertunjukan sains angkasa di Teater Angkasa di kompleks itu.

Kompleks Planetarium Negara di atas kawasan bukit seluas 5.6 hektar itu terletak antara Pusat Islam dan Muzium Negara. Ia mempunyai pelbagai kemudahan seperti panggung utama, balai cerap, galeri pemandangan dan restoran. -- Bernama

RA AKD

▼07/02/23-17MST